

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KUMPULAN NASYID PERTAMA DI INDUSTRI HIBURAN MALAYSIA

KES STUDI: KUMPULAN RAIHAN

**TESIS INI DIKEMUKAKAN KEPADA FAKULTI SENI MUZIK SEBAGAI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT IJAZAH
SARJANA MUDA SENI MUZIK PERSEMBAHAN (KEPUJIAN)**

FAKULTI MUZIK

OLEH

NUR FARDILLA NADIA BT ABU BAKAR

2006884002

SHAH ALAM, SELANGOR

MEI 2008

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam hormat.

Bersyukur saya kehadiran Allah s.w.t kerana dengan izin dari-Nya saya berjaya menyiapkan buku tesis ini. Sesungguhnya saya tidak menyangka akhirnya saya dapat menyiapkan buku tesis ini dan seterusnya boleh dijadikan panduan untuk semua para pembaca. Terlalu ramai orang yang terlibat didalam menyiapkan buku tesis ini samada secara langsung atau tidak langsung. Apa yang penting bagi saya, walaupun sumbangan yang mereka berikan kecil ataupun besar, ia tetap bermakna buat diri saya. Tanpa orang-orang ini, tidak mungkin saya dapat menyiapkannya dengan kadar masa yang telah diberikan. Segunung ucapan terima kasih saya kepada kedua ibu bapa tercinta, En Abu Bakar Sudin dan _____ yang tidak jemu-jemu memberi dorongan dan sokongan untuk anakmu ini. Segala doa kalian telah dimakbulkan oleh Allah s.w.t. seterusnya buat adik lelaki saya, Afdzal Hizamal yang sentiasa memberi kata-kata semangat agar saya terus menulis buku tesis ini sehingga habis.

Ucapan terima kasih tidak terhingga juga kepada Amin Azlan Hamzah yang sentiasa menemani saya ketika saya memerlukan bahan-bahan untuk dimuatkan ke dalam buku tesis ini dan anda juga adalah tulang belakang saya. Tanpa individu ini, rasanya saya mungkin tidak dapat menyiapkan buku tesis ini, siapa lagi kalau bukan Prof. Madya Khairil Johari Johar yang bertindak sebagai penyelia dan penasihat saya. Tunjuk ajar dan tips-tips berguna yang diberikan oleh beliau tidak dapat saya balas dengan kata-kata. Apa yang telah diberikan oleh beliau selama saya menimba ilmu di Universiti Teknologi Mara, Shah Alam

tidak dapat saya lupakan sampai bila-bila. Tidak ketinggalan buat pensyarah-pensyarah di Fakulti Muzik iaitu Dr. Valeri Ross, Cik Rita Mardathilah, dan Puan Nurulhamimi yang sentiasa memastikan dan memantau kerja saya agar berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua anggota kumpulan Raihan yang memberi segala informasi-informasi yang berguna untuk menyiapkan buku tesis ini. Sesungguhnya, saya berasa bertuah dapat berkongsi segala pengalaman kalian bersama-sama dengan pembaca yang lain. Selain dari itu, En Farihin Abd Fatah juga merupakan individu yang banyak member dan berkongsi maklumat mengenai kumpulan Raihan dengan saya. Setelah mengenali saudara barulah saya sedar bahawa muzik nasyid ini adalah muzik yang patut kita letakkannya setaraf dengan muzik barat. Kepada rakan saya, Norashidalaila Abd Ghani dan Irma Lailatul Munira yang banyak memberi idea dan nasihat yang berguna sepanjang saya menyiapkan buku tesis ini.

Tanpa anda, tidak mungkin saya masih disini. Kepada Mohd Fairuz Zamani, rakan seperjuangan saya, terima kasih kerana memberi kata-kata semangat sehingga kita dapat menghabiskan pengajian bersama-sama. Kepada individu yang mungkin namanya tidak saya sebutkan di sini tetapi telah banyak membantu saya, jutaan terima kasih. Anda tahu siapa anda. Saya juga ingin memohon maaf kepada semua pihak jika sepanjang saya menyiapkan buku tesis ini saya ada menyinggung perasaan anda, mohon maaf dipinta. Terima kasih dan selamat membaca.

ABSTRAK

Kajian ini mengandungi gambaran serta keterangan mengenai “Kumpulan nasyid pertama di industri hiburan Malaysia : Kes studi : Kumpulan Raihan”.

Untuk menyiapkan tesis ini, penulis telah membahagikan setiap tajuk kepada beberapa bab. Segala maklumat dan keterangan ditentukan oleh penulis dan diletakkan mengikut susunan bab-bab yang telah dibahagikan. Penulis juga telah melampirkan sekali soalan-soalan yang diajukan kepada individu yang berkaitan dengan tajuk dan ini sedikit sebanyak memudahkan pembaca untuk memahami apa yang cuba disampaikan oleh penulis. Selain daripada itu, pembaca juga boleh merujuk isi kandungan yang telah disediakan oleh penulis bagi memudahkan lagi pembacaan.

Penyelidikan dan segala maklumat yang ingin disampaikan oleh penulis adalah dibuat atas sebab rasa tanggungjawab dan prihatin penulis terhadap muzik nasyid di industri hiburan tanahair dan penulis juga ingin berkongsi apakah rahsia-rahsia kejayaan kumpulan Raihan sehingga mereka begitu dipuja dan diangkat sehingga di mata. Penulis juga ingin berkongsi bersama pembaca apakah peranan syarikat rakaman Warner Music dalam mempromosikan dan memasarkan kumpulan Raihan dan album Puji-pujian sehingga mencatat penjualan sebanyak 650,000 unit. Setidak-tidaknya ia dapat dijadikan rujukan dan manfaat kepada individu, artis atau syarikat rakaman yang lain agar mengambil langkah sama yang diambil oleh mereka ini. Penulis juga ingin berkongsi pandangan dan pendapat masyarakat, media cetak dan elektronik tentang keistimewaan kumpulan Raihan dan album Puji-pujian ini.

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGESAHAN	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	vi
ISI KANDUNGAN	vii
LAMPIRAN	xi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan Penulisan	1
1.2 Tujuan Kajian	5
1.3 Skop Kajian	6
1.4 Kaedah Kajian	7
1.5 Organisasi Kajian	8
BAB 2 KUMPULAN RAIHAN DAN ALBUM PUJI-PUJIAN	
2.1 Sejarah Awal Kumpulan Raihan	10
2.2 Sejarah Penglibatan Anggota Raihan	11
2.3 Muzik Nasyid Sebagai Konsep Album	12
2.4 Ringkasan Sinopsis Lirik dan Lagu	15